

THE TITAN

RICHWORKS™

Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

5 FEBRUARI 2023 | BIL: 61
www.richworks.com

richworks.com/thetitan

Industry View

Jangan Sabotaj
Diri Sendiri!

ZAID ALHELMI

PERTARUHAN SWADAYA DEMI LEGASI



ANAK DOKTOR BELAJAR URUSKAN KLINIK

Penampilan, gaya dan tutur katanya yang berkarisma pastinya membuatkan sesiapa saja berasa senang apabila berada dengannya. Begitulah karakter yang boleh digambarkan buat pemilik Klinik Penawar Ampangan iaitu Zaid Al Helmi.

Mewarisi perniagaan tersebut daripada arwah bapa tercinta, Dr. Mohd Yunus, beliau akur dengan kehendak orang tuanya itu yang mahukannya bekerja di klinik tersebut biarpun menerima tawaran untuk berkhidmat di sektor kerajaan pada waktu itu.

“Saya akur dengan kehendaknya. Waktu itu ayah saya sudah tidak masuk ke pejabat dari tahun 2000. Jadi, bila saya masuk pada tahun 2008, saya dapati ada banyak masalah yang sedang berlaku termasuklah pecah amanah.

“Saya tidak pernah jalankan bisnes. Dulu pun hanya berniaga di gerai burger sekadar untuk cukup-cukup makan saja. Waktu itu memang menjadi tekanan kerana buat pertama kalinya kita bergelut untuk membayar ubat-ubatan.

“Di samping itu, saya juga dapat lihat yang duit syarikat diseleweng oleh saudara sendiri. Jadi,

itu adalah pain point kritikal yang saya alami pada ketika itu. *I don't have support. I don't know how and I don't have guidance,*” kongsi jejak berusia 40 tahun ini.

AKU YANG DULU BUKANLAH YANG SEKARANG

Terdidik dari kecil dengan disiplin dan ketegasan, beliau cuba membawa cara yang sama di tempat kerja. Namun, hasilnya ternyata berbeza dengan apa yang dibayangkan.

“Bila kita cuba cari penyelesaian, jawapan yang diterima hanyalah seperti ‘kau selesaikanlah, takkan kau bodoh?’

“Itu adalah cara yang saya diajar sebelum ini. Bila jadi begitu, apa yang diajar itulah yang akan saya buat juga terhadap staf dan syarikat. Dulu, saya bukannya orang yang banyak bercakap seperti sekarang.

“Sebelum bergelar ahli Titanium (Titan), mungkin ada satu tahun yang staf tidak pernah mendengar suara saya. Kita tidak pernah adakan mesyuarat. *They don't hear my voice. I was an introvert.* Tidak tahu apa yang ingin disampaikan



tapi bila bercakap, mesti tentang perkara yang tidak baik dan hanya tahu marah saja," ceritanya.

Menurutnya, hal itu membuatkan para pekerja berasa takut sangat takut serta gerun dengannya disebabkan sifatnya yang garang dan panas baran.

"Saya pernah ambil kerusi roda dan baling ke bawah dari tingkat dua. *That's how bad I am.* Saya tak salahkan orang kerana *thats how bad a leader I was before.*

"Saya tak salahkan cara saya dibesarkan. Tapi, saya akan salahkan kalau saya tidak berubah," tambahnya lagi.

Pernah berada dalam titik terendah dalam hidupnya, Zaid juga membuka cerita bahawa beliau pernah hampir mahu membunuh diri suatu masa dahulu dek kerana tertekan dengan masalah peribadi dan perniagaan yang dihadapi.



"Saya rasa begitu stres dengan segala masalah yang dihadapi. Waktu itu kita ada tiga cawangan tetapi keadaan kewangan semakin meruncing dan saya juga buat semua benda di syarikat. Saya yang tukar lampu, buat kerja *office boy* dan lain-lain lagi.

"Walaupun saya yang menguruskan syarikat, namun gaji staf lagi tinggi daripada saya. Nak bayar pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pun tak mampu inikan pula nak beli rumah atau kereta baharu.

"Saat tidak mampu membayar gaji pekerja, saya dahulukan dulu wang Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang disimpan selama ini.

"Siang uruskan syarikat, malam pula saya berniaga di gerai burger. Orang nampak kita jadi bos mesti banyak duit namun hakikatnya tidak seperti apa yang dibayangkan," kata anak jati Negeri Sembilan ini.



SKEPTIKAL DENGAN 'MENTHOR' & RICHWORKS

Bukan itu saja, Zaid turut berasa hilang arah dan tidak dapat menemui jawapan yang tepat apabila cuba merujuk kepada individu lain berkenaan masalah syarikat yang dihadapi seperti pengurusan cukai, audit dan sebagainya.

Namun, segalanya mulai berubah apabila dirinya mulai rapat dengan beberapa rakan usahawan yang terdiri daripada kalangan anak didik Datuk Wira Dr. Azizan Osman.

"Sebenarnya, saya bukanlah *hater* tapi tidak berapa gemar dengan jenama RichWorks ataupun Dr. Azizan walaupun tidak pernah sertai programnya. Inilah saya dulu, sangat *judgemental* dan asyik fikir buruk terhadap semua benda.

"Cuba bayangkan, ahli keluarga sendiri pun ada yang menipu hingga saman-menyaman, kalau orang luar apalah sangat.



"Mulanya saya memang skeptikal tapi apabila melihat kejayaan rakan terdekat, saya pun cubalah pergi ke program Bina Bisnes Berjaya.

Di sana, saya terus pergi berjumpa dengan Tuan Radz Mohd dan beliau memberi keyakinan pada saya untuk menyertai program pementoran Titan walaupun saya bukannya berduit sangat pada waktu itu.

"Ketika itu saya rasa kalau kena tipu pun tipulah sebab dah tak tahu apa lagi yang perlu dibuat.

End up, this is the best decision I made," tuturnya yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda Fisioterapi daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM).

RAIKAN KEMENANGAN DALAM HIDUP

Selepas bergelar ahli Titan, harapan yang pudar selama ini mulai bersinar kembali. Namun, tatkala bisnesnya baru saja mahu dibaik pulih, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pula menjelma.

Situasi ini membuatnya berasa sangat tertekan dek kerana bilangan pesakit yang berkunjung ke kliniknya menurun dengan sangat mendadak.

Namun begitu, beliau tidak patah semangat dan terus memandang ke hadapan setelah mendapat sokongan yang tidak putus-putus daripada Dr. Azizan dan RichWorks.

"Banyak benda yang saya gadaikan namun saya tetap memilih untuk bersama dengan *circle* di Titan. Dr. Azizan selalu memberikan panduan yang sangat membantu dan saya turuti saja seperti yang disuruh.

"Sesi *one-one-one* saya yang pertama dulu memang sangat keras. Mungkin kerana Dr. Azizan tahu bagaimana sifat saya. Dia tahu saya



jenis yang tak takut dengan orang dan 'tak makan saman'. Sebenarnya, saya dah lama tak rasa takut dengan orang tapi entah mengapa bila dengan beliau, ada rasa takut yang timbul dalam hati.

"Melihat ahli Titan lain berkongsi *win*, saya pun turut berkongsi *small win* sahaja. Alhamdulillah, saya konsisten hantar *learning point* serta laporan mingguan kepada *Client Account Manager (CAM)* dan hadir awal ke kelas.

"Tak menang *big win* pun tak mengapalah, janji kita menang *small win*. Tak sangka daripada kemenangan kecil tersebut membawa kepada kejayaan yang lebih besar pula pada hari ini.

"Datang awal, bangun pagi dan solat dhuha sudah jadi umpama makanan ruji. Itulah antara nilai yang saya dapat dalam Titan. Dalam keadaan kita buntu mahu betulkan cukai, bayar gaji staf dan sebagainya, kita cuba sabar serta lawan untuk menang dengan situasi yang dihadapi," ujarnya.

BISNES SEBAGAI LADANG PAHALA

Ditanya mengapa begitu cekal meneruskan perniagaan ini biarpun dilanda pelbagai masalah, Zaid menganggap legasi bisnes ini sebagai amanah dan tanggungjawab yang perlu digalasnya demi kasih sayang kepada arwah bapa tercinta.

"Ini adalah tanggungjawab saya sebagai seorang anak. Kalau saya tak mampu nak doakannya selalu, maka saya akan pastikan syarikat ini terus berjalan agar pahala terus mengalir buatnya di sana.

"Alhamdulillah, bisnes ini telah melalui pelbagai transformasi. Cara perniagaan sebelum ini memang sangat tradisional sehinggakan kita tidak ada pun perbankan internet di klinik. CCTV pun kita tidak pasang. Tapi kini, keadaannya sudah berubah menjadi lebih baik.

"Sistem pengurusan juga sudah menjadi lebih sistematik dan kini kita memiliki lebih kurang 24 orang staf di syarikat. Selain itu, kita turut menyokong perkembangan para staf dan ada di antaranya yang kita tanggung pembiayaan pengajiannya di peringkat ijazah sarjana.

"Saya percaya, menjadi seorang pejuang adalah tentang memperbaiki diri sendiri terlebih dahulu. Bila peribadi kita sudah diperbaiki, barulah perkara lain di sekeliling akan berjalan dengan lancar," luah anak ketiga daripada empat beradik ini.

Kini sudah memasuki tahun kelima sebagai ahli Titan, beliau bersyukur dengan segala perubahan positif yang telah berlaku dalam diri dan bisnesnya pada hari ini.

Biarpun cabaran sentiasa mendatang, namun beliau percaya segalanya pasti dapat ditangani dengan baik jika ada usaha dan semangat juang yang tinggi dalam hidup.

"Saya bahagia dengan ujian yang telah dikurniakan Tuhan dan saya gembira dengan apa yang bakal diterima daripada-Nya kelak.

"Lakukan apa yang patut dan kita tengok di bahagian mana yang kita boleh menang. *So that's the way of moving forward nowadays,*" kongsiannya.

3

NASIHAT



BELAJAR MENIRU

"Pertama, manusia adalah makhluk yang pada dasarnya belajar meniru sejak dari kecil. Anak kecil belajar dan boleh bercakap bahasa Melayu kerana meniru percakapan orang tua mereka sendiri.

"Jadi, kita perlu belajar meniru juga jika mahu berjaya. Tapi, persoalannya daripada siapa? Kita kena meniru individu yang tepat. Kepakaran Dr. Azizan dan RichWorks adalah melahirkan usahawan jutawan.

"Kita mungkin boleh belajar daripada jutawan lain atau tokoh terkenal. Tapi, mereka mungkin tidak tahu pedagogi dalam pelajaran. *They might be good players but they might not be good coaches.*

"Macam Datuk Misbun Sidek, dia adalah seorang pemain dan jurulatih yang bagus. Namun, adik beradiknya yang lain belum tentu. Oleh itu, belajarlah meniru dari tempat yang betul kepakarannya," ujarnya.

TESTIMONI TIDAK BERBOHONG

"Kedua, macam mana nak tahu tempat yang kita meniru itu adalah betul? Semestinya menerusi testimoni dan hasil. Saya datang dengan skeptikal. Tapi, bila fikir balik jenama besar seperti Andalusia dan lain-lain pun belajar dengan RichWorks.

"Saya tahu mereka ini bijak orangnya. *Testimony does not lie.* Mereka sudah berjaya melakukannya dan kita pun mengikutinya. Orang tidak tahu yang mereka juga ada mentor," jelasnya.

FAHAMI NAIK TURUN PERNIAGAAN

"Ketiga, mereka kena faham bahawa dalam perniagaan ada naik turunnya seperti iman. Bila kita naik dan berada di tahap yang sama, maka kita perlu perbetulkannya.

"Kejatuhan dan kepayahan adalah peluang untuk kita berubah kerana bisnes tidak akan selamanya naik atau kekal di tahap yang sama saja," katanya menutup bicara.

JANGAN SABOTAJ DIRI SENDIRI!

Memulakan tahun baharu dengan perasaan yang teruja adalah sesuatu yang ramai di antara kita mahukan. Masing-masing pastinya turut bersemangat membuat azam baharu walaupun azam terdahulu mungkin belum terlaksana lagi. Apa salahnya, bukan?

Namun begitu, diharapkan semangat itu tidak sekadar hangat-hangat tahi ayam saja seperti kebiasaannya.

Situasi ini sering terjadi di kalangan kita contohnya:-

- Cuba untuk menurunkan berat badan, tetapi anda akhirnya makan lebih banyak dan kurang bersenam
- Berazam untuk menulis buku, namun gangguan berterusan di media sosial sepanjang hari
- Ingin menjana pendapatan yang lebih, namun terperangkap dengan pekerjaan semasa
- Tidak mahu lagi bertanggung, tetapi tidak mengambil tindakan dan sebagainya

Bagi mengatasinya, kita memerlukan disiplin dalam diri. Dengan disiplin, anda boleh menjadi lebih konsisten, mengelakkan gangguan dan mengekalkan emosi anda daripada mengganggu keputusan kerjaya dan pelaburan anda.

Cakap senanglah tapi nak melakukannya memang payah, bukan? Terdapat dua perkara penting untuk menjadi seorang yang berdisiplin.

Pertama ialah tak perlu buat banyak-banyak, fokus pada satu perkara saja. Apabila anda fokus kepada suatu perkara, usaha dan tenaga anda akan lebih tertumpu dan hasilnya lebih memberangsangkan. Jadi, semangat dan motivasi anda tidak akan mudah hilang.

Adalah lebih penting untuk meninggalkan tabiat buruk yang mungkin anda miliki contohnya mengkritik diri sendiri. Hmm, pernah tak anda melakukannya?

Terdapat perbezaan antara memanjakan diri sendiri dan menjadi terlalu tegas. Di samping itu, ramai juga individu yang membesar dengan percaya bahawa mereka tidak boleh memanjakan diri sendiri untuk mencapai sesuatu.

Seperti yang dikatakan oleh pelabur Wall Street

awal abad ke-20, Jesse Livermore:-

“Seorang lelaki mesti percaya pada dirinya sendiri dan pilihannya jika dia berharap untuk mendapat rezeki dalam permainannya.”

Kita semua memerlukan keyakinan diri yang tinggi jika ingin berjaya. Berkata perkara negatif terhadap diri sendiri adalah sangat tidak produktif.

Mengkritik diri sendiri untuk hasil yang anda tidak dapat kawal adalah satu pembaziran tenaga. Sebaliknya, fokuslah untuk melakukan yang terbaik dalam proses mencapai matlamat anda.

Nak turunkan berat badan? Mulakan berjalan atau berlari setiap hari. Anda juga boleh cari rutin senaman yang sesuai untuk diikuti setiap hari.

Berikan komitmen dan jangan cuba

tinggalkannya. Jika anda terpaksa 'skip' disebabkan perkara tertentu, teruskan lagi pada hari berikutnya.

Ingin menulis buku? Tulis satu halaman hari ini. Kemudian sambung pada keesokan hari dan seterusnya.

Mahu menukar kerjaya? Selidik kemahiran yang mampu menjana pendapatan dan cari masa setiap hari untuk memantapkan kemahiran tersebut. Apabila anda sudah bersedia, anda boleh menggunakan kemahiran tersebut dalam pekerjaan atau kerjaya baharu anda.

Ini semua tentang konsisten dengan proses serta melakukan yang terbaik setiap hari. Hasilnya pasti akan menyusul nanti.

Percayalah, usaha tidak akan mengkhianati hasil. Oleh itu, anda tidak perlu mengkritik diri sendiri kerana anda tahu bahawa anda telah melakukan semampu yang boleh.



BUSINESS
COACHING

***YOUR 1ST MILLION
or RM10 MILLION***

B E R S A M A


**DATUK WIRA
DR. AZIZAN OSMAN**

21 FEBRUARI 2024 | RABU



Mohon di:

richworks.com/businesscoaching



E-MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN

RICHWORKS
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

THE TITAN

richworks.com/thetitan

PENAFIAN : NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJEKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.